



Semarak Advanced Research in Organizational Behaviour

Journal homepage:
<https://semarakilmu.myindex.php/sarob/index>
ISSN: 3030-6264



Dari Kampus ke Industri: Satu Penilaian Terhadap Hubungan antara Kemahiran Kerjaya, Sikap Profesional, Hubungan Akademik-Industri, Motivasi, dan Prestasi Pelajar Latihan Industri, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

From Campus to Industry: An Assessment of the Relationship between Career Skills, Professional Attitudes, Academic-Industry Relationships, Motivation, and Performance of Industrial Training Students, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah

Noor Syakirah Zakaria¹, Mohd Ikhrum Mohd Ridzuan^{1,*}, Dg. Junaidah Awang Jambul¹, Zulayti Zakaria¹, Azizan bin Morsidi¹, Syahrudin Ag. Ahmad¹, Hairulnizam Mohd Khori¹, Mohd Asaraf Sahimun¹

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 22 February 2025

Received in revised form 26 March 2025

Accepted 20 April 2025

Available online 5 June 2025

ABSTRACT

Keberkesanan dan kejayaan latihan industri dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan memerlukan kerjasama yang lebih erat antara pusat pengajian tinggi dan juga industri. Dalam situasi dunia pekerjaan yang semakin mencabar, hubungan simbiotik antara pihak pusat pengajian tinggi dan industri bukan sahaja membantu memperkasa ilmu pengetahuan dan kemahiran pelajar, tetapi juga membantu persediaan bakal graduan untuk lebih bersedia dengan keperluan pasaran kerja sebenar. Oleh itu, jalinan kerjasama ini bukan sekadar satu pilihan, tetapi telah menjadi satu keperluan dalam melahirkan modal insan yang berprestasi tinggi. Dalam konteks kajian keberkesanan program latihan industri (LI) ini, penilaian penyelia organisasi diperlukan bagi mendapatkan gambaran yang lebih objektif mengenai kebolehan serta kemampuan pelajar dalam mengaplikasikan teori yang dipelajari ke dalam situasi kerja sebenar. Persepsi penyelia organisasi yang mewakili majikan di tempat latihan juga dapat membantu untuk menilai prestasi sebenar pelajar latihan Industri (LI) supaya program LI ini dapat ditambahbaik untuk keperluan masa hadapan. Oleh itu, kajian ini mengkaji persepsi majikan terhadap program LI yang dilaksanakan oleh pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Kajian tinjauan ini melibatkan seramai 189 orang penyelia organisasi yang mewakili majikan dan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan Microsoft Form. Kajian ini bertujuan untuk menilai prestasi pelajar LI serta faktor-faktor yang

* Corresponding author.

E-mail address: ikhram@ums.edu.my

<https://doi.org/10.37934/sarob.1.1.111>

mempengaruhi prestasi tersebut yang terdiri daripada kemahiran kerjaya, sikap profesional, hubungan akademik dan industri dan motivasi para pelajar LI. Dapatan kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 29. Dapatan kajian ini menunjukkan kemahiran kerjaya dan juga sikap profesional mempengaruhi prestasi pelajar LI. Manakala dua lagi faktor iaitu hubungan akademik dan industri serta motivasi tidak mempunyai pengaruh yang signifikan kepada prestasi pelajar LI. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mampu menjelaskan kepentingan jalinan kerjasama dalam membentuk ekosistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lebih dinamik dan responsif, di mana para pelajar memperoleh pendedahan praktikal yang relevan, manakala majikan pula mendapat melatih tenaga kerja yang lebih kompeten dan berdaya saing untuk keperluan masa hadapan. Kajian ini juga memberikan gambaran maklum balas yang komprehensif agar pusat pengajian tinggi dapat mengenal pasti kelemahan atau kekuatan pelajar LI, sekali gus dapat membantu untuk penambahbaikan kurikulum LI agar lebih selaras dengan keperluan industri.

The effectiveness and success of industrial training in helping to enhance graduate employability requires closer cooperation between institutions of higher learning and industry. In today's increasingly challenging job market, the symbiotic relationship between higher education institutions and industry not only helps to strengthen students' knowledge and skills, but also aids in preparing future graduates to be more equipped for the actual demands of the job market. Therefore, this collaboration is not merely an option, but has become a necessity in producing high-performing human capital. In the context of this study on the effectiveness of the industrial training (IT) program, evaluations from organizational supervisors are needed to obtain a more objective picture of the students' abilities and capabilities in applying the theory they have learned to real work situations. The perceptions of organizational supervisors, who represent the employers at the training locations, also help to assess the actual performance of industrial training students so that the IT program can be improved for future needs. Therefore, this study examines employers' perceptions of the IT program implemented by the Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah. This survey study involved 189 organizational supervisors who represented employers, and the questionnaire was distributed online using Microsoft Forms. The objective of the study is to evaluate the performance of IT students and the factors influencing that performance, which consist of career skills, professional attitude, academic-industry relationship, and the motivation of the IT students. The findings were analyzed using SPSS software version 29. The results indicate that career skills and professional attitude influence the performance of IT students, whereas the other two factors—academic-industry relationship and motivation—do not have a significant effect on student performance. Overall, the study's findings help explain the importance of collaborative partnerships in shaping a more dynamic and responsive teaching and learning ecosystem, where students gain relevant practical exposure and employers are able to train a more competent and competitive workforce for future needs. This study also provides a comprehensive overview of feedback to help institutions of higher learning identify the strengths and weaknesses of IT students, thus supporting improvements to the IT curriculum so that it aligns more effectively with industry requirements.

Keywords:

Latihan Praktikal, internship,
Pembelajaran berasaskan industri

Practical training, internship, industry
based learning

1. Pengenalan

Latihan industri (LI) merupakan satu program yang berfungsi sebagai “jambatan penghubung” antara pembelajaran akademik di kampus dan pengalaman kerja secara praktikal di organisasi. Latihan industri ini, antara lain juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman serta kemahiran pelajar dalam ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa di pusat pengajian dan menggunakan secara realiti di tempat kerja. Selain daripada itu, program LI ini direka bentuk khusus untuk menyediakan peluang pembelajaran melalui pengalaman langsung (*experiential learning*) kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan teori dalam situasi sebenar pekerjaan mereka [1,2]. Secara umumnya, pelaksanaan program latihan industri mula dikesan pada pertengahan abad ke-20 menerusi kes *Walling v. Portland Terminal* (1947) yang telah dijadikan sebagai asas

pemahaman terhadap program latihan industri sehingga kini [3]. Keputusan kes ini telah menetapkan bahawa pelajar atau intern tidak dianggap sebagai pekerja dengan syarat, latihan yang diperolehi di organisasi tersebut lebih memberi manafaat kepada pelajar berbanding dengan syarikat. Kes ini secara umumnya telah dijadikan sebagai asas undang-undang dalam menentukan status pelatih dan program latihan industri.

Seterusnya pada tahun 1960-an dan 1970-an, pusat pengajian tinggi di negara barat mula merangka program LI secara formal dan menjadi sebahagian daripada kurikulum yang diwajibkan kepada para pelajar [4]. Manakala, bermula pada tahun 1980-an, program LI telah menjadi lebih tersusun dengan perkembangan ekonomi yang berasaskan perkhidmatan dan juga teknologi yang melibatkan kolaborasi antara pusat pengajian tinggi dan industri. Kini, program LI telah mendapat pengiktirafan sebagai satu program yang mampu memperkasakan pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi sebelum mereka bersedia untuk melangkah ke dunia pekerjaan sebenar. Melalui program ini juga, para pelajar mempunyai kelebihan daripada aspek kebolehpasaran pekerjaan melalui pengalaman praktikal di organisasi [3]. Menyedari kepentingan program LI terhadap pelajar, maka keberkesanan program latihan ini merupakan perkara yang kritikal untuk diberikan perhatian. Dalam usaha ini, penyelia organisasi merupakan wakil majikan yang bertanggungjawab berdasarkan peranan mereka sebagai penilai kemahiran, sikap serta etika kerja, pembimbing dan juga terlibat dalam memberikan maklum balas kepada pusat pengajian tinggi bagi memahami keperluan sebenar industri dan penyesuaian kurikulum agar lebih relevan dengan situasi semasa. Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, kajian yang mengkaji persepsi majikan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar LI ini masih lagi terhad menyebabkan pengetahuan dalam aspek ini masih lagi terbatas [1,5,6]. Oleh itu, kajian ini mengkaji berdasarkan perspektif penyelia organisasi terhadap prestasi pelajar LI serta faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi tersebut yang terdiri daripada kemahiran kerjaya, sikap profesional, hubungan akademik dan industri dan motivasi para pelajar LI.

2. Sorotan Literatur

Latihan Industri (LI) telah menjadi salah satu komponen penting dalam sistem pengajian tinggi sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Dalam konteks ini, prestasi pelajar LI merupakan elemen penting yang telah mendapat perhatian bukan sahaja pihak pusat pengajian tinggi, malah telah menjadi keutamaan pihak industri kerana prestasi pelajar ini mencerminkan tahap kesiapsiagaan mereka dalam memenuhi keperluan pasaran kerja. Berdasarkan perspektif penyelia organisasi, prestasi pelajar LI bukan sahaja mampu memberi manfaat kepada pelajar itu sendiri, tetapi juga kepada organisasi dan institusi akademik untuk proses penambahbaikan kualiti pelajar dan juga program LI tersebut. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas [1-5] terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi prestasi pelajar LI ini. Antara faktor yang telah mendapat perhatian pengkaji lepas adalah berkaitan dengan kemahiran kerjaya, sikap profesional, hubungan akademik dan industri serta motivasi pelajar semasa menjalani latihan industri tersebut. Oleh itu, bahagian sorotan literatur ini membincangkan empat faktor yang kritikal boleh mempengaruhi prestasi pelajar LI.

a. Kemahiran kerjaya

Kemahiran kerjaya memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi pelajar LI. Menurut pengkaji lepas, gabungan kemahiran teknikal dan insaniah menjadi faktor utama dalam kejayaan mereka di tempat kerja [5]. Program LI memberi peluang kepada pelajar memperoleh pelbagai

kemahiran yang boleh digunakan untuk meneroka serta meningkatkan peluang pekerjaan untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian. Pengalaman semasa menjalani program LI bukan sahaja membantu untuk pembangunan kerjaya, tetapi juga telah menyediakan rujukan kerja yang relevan, dan seterusnya menjadikan pelajar lebih bersedia untuk memenuhi keperluan industri yang bersesuaian dengan mereka [6]. Latihan industri membantu pelajar mengukuhkan pembangunan kerja mereka dengan memberi pendedahan awal kepada pelajar untuk mengaplikasikan teori ke dalam amalan sebenar dan kesannya, LI menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang lebih baik. Melalui pendedahan ini, pelajar dapat menilai kesesuaian keputusan kerjaya di masa hadapan dan mengenal pasti bidang pekerjaan yang sesuai dengan ilmu, minat serta kemahiran yang ada pada mereka [7]. Tambahan pula, program LI juga bertindak sebagai penyedia sumber tenaga kerja pra-profesional kepada organisasi, di mana pelajar mempunyai prestasi baik berpotensi untuk diserap sebagai pekerja tetap di organisasi berkenaan. Oleh itu, latihan industri bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar, tetapi juga kepada industri dalam membentuk tenaga kerja yang lebih kompeten dan berdaya saing bagi memenuhi inspirasi negara dalam pembangunan modal insan yang berkualiti dan kompeten [8,9].

b. Sikap professional

Sikap profesional dalam kalangan pelajar yang menjalani program LI merupakan antara aspek penting yang perlu diambil kira dalam menentukan prestasi pelajar. Sikap profesional mencerminkan keupayaan pelajar untuk menyesuaikan diri dalam konteks pekerjaan sebenar. Dalam masa yang sama, sikap profesional yang diamalkan oleh pelajar memberi gambaran serta imej positif bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga pusat pengajian tinggi pelajar tersebut. Dalam konteks latihan industri, sikap profesional melibatkan keupayaan pelajar untuk berinteraksi serta berkomunikasi dengan baik dengan pihak atasan, penyelia dan rakan sekerja, serta tidak terkecuali pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain. Seterusnya, sikap profesional pelajar LI yang baik juga boleh diterjemahkan melalui etika kerja yang tinggi seperti ketepatan masa, kejujuran, dan kebertanggungjawaban terhadap tugas. Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga kriteria utama sikap profesional ini merangkumi elemen sikap, disiplin dan tanggungjawab [10]. Selain itu, melalui amalan profesional ini akan membantu memupuk keyakinan diri dan meningkatkan potensi kebolehpasaran pelajar selepas tamat pengajian. Majikan sering menjadikan sikap profesional sebagai salah satu kriteria utama dalam menilai prestasi dan potensi pekerja baharu [11]. Sikap profesional menunjukkan bahawa pelajar mampu bekerja secara efektif dalam pasukan, menerima arahan, dan beradaptasi dengan budaya kerja organisasi [12].

c. Hubungan akademik dan industry

Hubungan yang terjalin antara akademik dan industri menerusi program LI ini memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk pengalaman pembelajaran pelajar secara langsung di tempat kerja, sekaligus mampu mempengaruhi prestasi pelajar semasa menjalani LI. Melalui kerjasama yang erat, organisasi telah menjadi satu medium yang sangat penting untuk pelajar mengaplikasikan teori yang dipelajari di kampus kepada tugas pekerjaan yang sebenar yang membantu meningkatkan kemahiran teknikal dan profesional mereka [13]. Dalam konteks ini, organisasi yang menunjukkan sokongan yang tinggi terhadap program latihan industri melalui pelbagai peluang pembelajaran, bimbingan, pemantauan, dan maklum balas yang berkualiti akan membantu pelajar untuk memperbaiki lagi hasil kerja mereka dan mampu melaksanakan tugas dengan lebih cekap. Para pelajar yang mendapat sokongan daripada pihak organisasi tempat LI akan

lebih mudah menyesuaikan diri, berkeyakinan dalam menyiapkan tugas, serta mampu mempamerkan prestasi yang cemerlang dan memenuhi standard profesional pekerjaan seperti ketepatan masa, pengurusan tugas, etika dan integriti di tempat kerja serta mampu komunikasi secara lebih berkesan.

Selain itu, latihan industri yang berfungsi sebagai “jambatan” komunikasi antara industri dan akademik dapat membantu memastikan para pelajar lebih bersedia menghadapi pelbagai tugas yang kompleks dan mencabar kerana telah mendapat pendedahan awal mengenai pengetahuan yang relevan dan praktikal [14,15]. Hubungan yang terjalin ini juga membantu pihak universiti dalam memahami keperluan semasa di industri dan seterusnya merangka penambahbaikan kurikulum yang boleh memenuhi jangkaan majikan. Tambahan lagi, pelajar yang lahir daripada hubungan akademik dan industri yang kukuh mempunyai tahap potensi tinggi untuk lebih proaktif, bertanggungjawab, dan mempunyai sikap profesional yang baik dan impaknya pelajar mampu menghasilkan prestasi cemerlang sepanjang tempoh program LI tersebut. Selain itu, kelebihan yang dinikmati oleh para pelajar adalah mendapat peluang pekerjaan yang lebih cerah selepas tamat LI berdasarkan prestasi cemerlang yang berkesesuaian dengan keperluan semasa organisasi.

d. Motivasi pelajar

Motivasi merupakan antara faktor yang telah mendapat perhatian pengkaji lepas kerana peranannya dalam meningkatkan prestasi pelajar semasa menjalani latihan industri. Motivasi yang tinggi mendorong pelajar yang menjalani LI untuk berusaha dengan lebih gigih, bersikap proaktif, serta mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan setiap tugas. Pelajar yang bermotivasi tinggi mempunyai kesungguhan untuk belajar dan sentiasa mengambil peluang untuk meningkatkan kemahiran diri terutamanya kemahiran teknikal dan insaniah [11,16]. Para pelajar ini cenderung untuk mengambil pelbagai inisiatif dalam tugas tanpa perlu menunggu arahan, serta senantiasa berusaha menghasilkan kerja yang berkualiti berdasarkan jangkaan organisasi.

Selain itu, motivasi untuk menimba pengalaman kerja serta mencari peluang kerjaya masa depan mendorong pelajar untuk menunjukkan prestasi terbaik melalui sikap, disiplin dan tanggungjawab sebagai seorang bakal pekerja yang profesional seperti menepati masa, mematuhi peraturan organisasi, dan bekerjasama di tempat berpraktikal tersebut [10]. Tambahan lagi, pelajar yang bermotivasi bukan sahaja memudahkan urusan di organisasi malah dapat mengelakkan kilanan serta rasa tidak berpuas hati oleh pihak majikan. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi mempunyai potensi untuk diserap masuk bekerja selepas tamat pengajian kerana prestasi cemerlang. Oleh itu, elemen motivasi telah menjadi pemacu penting yang dapat meningkatkan prestasi pelajar latihan industri, sekaligus memberikan manfaat kepada pelajar, pusat pengajian mereka dan organisasi.

3. Methodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tinjauan yang melibatkan seramai 189 penyelia organisasi yang mewakili majikan bagi organisasi LI pelajar-pelajar tahun 3, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah bagi mengutip data kajian. Borang soal selidik yang menggunakan lima mata skala likert telah digunakan sebagai instrumen kajian dimana soal selidik ini diedarkan secara dalam talian menggunakan *microsoft form*. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu bahagian demografik dan bahagian kedua adalah berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar LI dan bahagian ketiga berkaitan dengan prestasi pelajar. Soal selidik diadaptasi daripada kajian-kajian lepas [11,18]. Daripada 291 orang penyelia organisasi, 189 penyelia organisasi

telah mengisi soal selidik tersebut dengan kadar respon iaitu 65 peratus. Data-data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 29 dan melibatkan ujian deskriptif yang terdiri daripada nilai kekerapan, peratusan, nilai min dan sisihan piawai serta ujian inferensi yang melibatkan ujian korelasi dan regresi pelbagai.

4. Hasil Kajian

Jadual 1 meringkaskan demografi responden kajian ini yang terdiri daripada segi jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan, dan tempoh perkhidmatan dalam kalangan responden kajian.. Seramai 189 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian tinjauan ini.

Jadual 1

Ringkasan demografi responden

Demografi	Item	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	80	42.3
	Perempuan	109	57.7
Umur	Kurang daripada 20 tahun	7	11.5
	31-40 tahun	39	63.9
	41-50 tahun	13	21.3
	51 tahun ke atas	2	3.3
Bangsa	Melayu	55	29.1
	Cina	15	7.9
	Bumiputera	116	61.4
	India	3	1.6
Pendidikan	SPM dan Setaraf	17	9.0
	STPM/Diploma dan setaraf	23	12.2
	Ijazah Sarjana Muda dan setaraf	119	63.0
	Ijazah Sarjana	24	12.7
	Doktor Falsafah (PhD)	4	2.1
Tempoh perkhidmatan	Kurang daripada 5 tahun	44	23.3
	6 tahun hingga 10 tahun	35	18.5
	11 tahun hingga 15 tahun	23	12.2
	16 tahun hingga 20 tahun	35	18.5
	20 tahun hingga 25 tahun	11	5.8
	25 tahun ke atas	41	21.7

Responden kajian ini terdiri daripada 80 orang lelaki (42.3 peratus) dan 109 orang perempuan (57.7peratus). Dari segi umur, majoriti responden adalah berusia 31 hingga 40 tahun (63.9 peratus), diikuti dengan kumpulan responden yang berumur 41-50 tahun (21.3 peratus). Seterusnya responden yang berumur kurang daripada 20 tahun (11.5 peratus) dan 51 tahun ke atas masing-masing mencatat 11.5 peratus dan 3.3 peratus. Dari sudut bangsa responden, kategori Bumiputera adalah terdiri daripada (61.4 peratus), Melayu 116 orang responden (29.1 peratus), responden berbangsa Cina pula adalah seramai 15 orang (7.9 peratus), dan penyelia organisasi berbangsa India adalah seramai 3 orang (1.6 peratus). Bagi tahap pendidikan, sebahagian besar responden memiliki Ijazah Sarjana Muda dan setaraf iaitu seramai 119 orang (63.0 peratus), diikuti Ijazah Sarjana seramai 24 orang (12.7 peratus). Responden yang mempunyai pendidikan pada tahap STPM/Diploma pula adalah 23 orang (12.2 peratus). Manakala penyelia organisasi yang berpendidikan SPM dan setaraf

adalah seramai 17 orang (9.0 peratus) serta empat orang penyelia organisasi mempunyai tahap pendidikan doktor falsafah (PhD). Dari segi tempoh perkhidmatan, responden yang mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun adalah seramai 44 orang (23.3 peratus), diikuti 25 tahun ke atas seramai 35 orang (21.7 peratus). Responden yang mempunyai tempoh perkhidmatan 6 hingga 10 tahun dan 16 hingga 20 tahun pula adalah seramai 35 orang (18.5 peratus). Tempoh perkhidmatan antara 11 hingga 15 tahun dan 20 hingga 25 tahun masing-masing mencatatkan jumlah seramai 23 orang (12.2 peratus) dan 11 orang (5.8 peratus).

Jadual 2 meringkaskan dapatan analisis korelasi kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan wujud hubungan positif dan signifikan antara kesemua pemboleh ubah kajian iaitu kemahiran kerjaya, hubungan akademik-industri, sikap profesional dan juga motivasi pelajar LI. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang sangat kuat antara kemahiran kerjaya dan hubungan akademik-industri dengan nilai $r = .809$ yang mana semakin tinggi kemahiran kerjaya pelajar, semakin baik hubungan akademik-industri. Selain itu juga, sikap profesional pelajar LI mempunyai nilai korelasi positif yang signifikan dengan prestasi pelajar LI dengan nilai $r = .730$, menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai sikap profesional tinggi mempunyai kecenderungan untuk menunjukkan prestasi yang lebih baik. Manakala, pemboleh ubah kemahiran kerjaya ($r = .657^{**}$), hubungan akademik-industri ($r = .648^{**}$), dan motivasi ($r = .534^{**}$) juga masing-masing mempunyai hubungan yang positif serta signifikan dengan prestasi pelajar LI. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa keempat-empat faktor yang dikaji dalam kajian ini iaitu kemahiran kerjaya, hubungan akademik-industri, sikap profesional, dan motivasi adalah saling berkaitan dan berupaya mempengaruhi prestasi pelajar latihan industri secara positif.

Jadual 2
Ringkasan analisis korelasi

	Kemahiran kerjaya	Hubungan akademik- industri	Sikap profesional	Motivasi	Prestasi
Kemahiran kerjaya	1				
Hubungan akademik-industri	.809**	1			
Sikap profesional	.658**	.678**	1		
Motivasi	.604**	.692**	.586**	1	
Prestasi	.657**	.648**	.730**	.534**	1

Hasil analisis regresi pelbagai kajian ini diringkaskan dalam Jadual 3 dan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai $r^2 = 59.5$ menjelaskan 59.5 peratus daripada variasi prestasi pelajar latihan industri (LI) dapat dijelaskan oleh empat faktor utama dalam kajian ini iaitu kemahiran kerjaya, sikap profesional, hubungan akademik-industri, dan motivasi. Dengan kata lain, model ini adalah signifikan dan relevan dalam menerangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan pelajar semasa latihan industri. Secara lebih spesifik, sikap profesional didapati mempunyai hubungan yang paling signifikan dan mempunyai pengaruh kuat terhadap prestasi pelajar LI dengan nilai $\beta = .485$ dan nilai $t = 7.179$ ($p < .001$). Selain daripada itu, kemahiran kerjaya juga didapati mempunyai pengaruh signifikan terhadap prestasi pelajar LI dengan nilai $\beta = .246$ dan nilai $t = 2.834$, ($p = .005$). Dapatan kajian ini, walau bagaimanapun mendapati hubungan akademik-industri ($\beta = .106$, $p = .248$) dan motivasi pelajar ($\beta = .060$, $p = .419$) tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap prestasi pelajar LI ini.

Jadual 3

Ringkasan analisis regresi pelbagai kajian

	Nilai Beta	t	Sig.	Tolerance	VIF
Kemahiran kerjaya	.246	2.834	.005	.322	3.106
Sikap profesional	.485	7.179	<.001	.486	2.060
Hubungan akademik-industri	.106	1.159	.248	.266	3.759
Motivasi	.060	.810	.419	.495	2.020
R2	.771a				
Adjusted R2	.595				
F-statistik	53.815(<.001)				

5. Perbincangan

Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan kemahiran kerjaya dan sikap profesional merupakan faktor utama menyumbang kepada prestasi yang cemerlang semasa menjalani LI. Pelajar yang mempunyai kemahiran kerjaya yang tinggi seperti kemahiran penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan, teknikal dan insaniah berupaya melaksanakan tugas dengan baik sepanjang tempoh LI tersebut. Kemahiran-kemahiran ini membantu pelajar untuk lebih efektif dan cekap dalam persekitaran pekerjaan serta mampu bekerja dalam satu pasukan dengan baik. Sikap profesional pula merangkumi aspek kepatuhan masa, etika kerja dan tahap disiplin yang tinggi akan mendorong para pelajar LI untuk bekerja secara lebih tekun, amanah, berintegriti serta mempunyai komitmen yang tinggi. Sikap profesional ini mampu meningkatkan kepercayaan majikan terhadap pelajar.

Gabungan kemahiran kerjaya yang baik dan sikap profesional ini membuka peluang kebolehpasaran kepada pelajar setelah tamat program LI dan pengajian. Walau bagaimanapun untuk memperkasakan prestasi pelajar ini bukanlah sesuatu usaha yang mudah tetapi perlu kepada jalinan kerjasama dan usaha yang berterusan. Justeru, berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat empat cadangan yang boleh diambil untuk menambah baik program LI pada masa akan datang. Antara cadangan tersebut adalah seperti berikut:

i. Peningkatan kurikulum berasaskan keperluan industri

Pusat pengajian tinggi perlu membuat penambahbaikan agar wujud penyesuaian kurikulum di peringkat pengajian dan juga keperluan industri. Pendekatan yang boleh digunakan oleh pihak Pusat pengajian tinggi adalah melalui pembelajaran berasaskan kerja (*work-based learning*) dan juga pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning*).

- **Pembelajaran berasaskan kerja** merupakan satu kaedah di mana para pelajar berpeluang untuk menimba ilmu berdasarkan pengalaman secara langsung di tempat kerja. Pelajar LI ini berkesempatan untuk mengaplikasikan teori kepada amalan sebenar di organisasi. Pelajar-pelajar akan lebih memahami cabaran industri, membina pelbagai kemahiran praktikal, serta meningkatkan kebolehpasaran mereka.
- **Pembelajaran berasaskan projek** melibatkan aktiviti bagi menggalakkan pelajar untuk menyelesaikan masalah sebenar di tempat kerja. Pendekatan ini, mampu membangunkan kemahiran teknikal dan dalam masa yang sama mengasah kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan kerja berpasukan.
Dengan adanya kerjasama erat serta maklum balas yang berterusan antara kedua-dua pihak, kurikulum yang dibangunkan menjadi lebih relevan, dinamik, serta mampu memperkasakan para graduan untuk memenuhi keperluan pasaran kerja.

ii. Modul Profesionalisme dan kemahiran kerjaya

Selain daripada itu, satu modul khas yang mengintegrasikan elemen profesional, etika kerja serta komunikasi korporat perlu disepadukan dalam kurikulum yang sedia ada di pusat pengajian tinggi. Modul ini boleh dilaksanakan melalui siri latihan secara berkala, seminar, bengkel-bengkel pementapan bakal graduan atau melalui penawaran kursus khas sebagai persediaan pelajar-pelajar untuk memasuki dunia pekerjaan. Kandungan modul ini membantu para pelajar melalui aspek berikut:

- Pengukuhan sikap profesional – para pelajar dilatih untuk memahami kepentingan ketepatan masa, disiplin, tanggung jawab serta pematuhan peraturan di pusat pengajian bagi mendidik agar membentuk profesionalisme sejak awal sebelum memasuki dunia pekerjaan sebenar.
- Etika pekerjaan – latihan mengenai etika pekerjaan membantu pelajar untuk memahami kepentingan integriti, akauntabiliti serta amanah dalam organisasi.
- Komunikasi korporat – mendedahkan pelajar mengenai cara berinteraksi dengan lebih profesional dengan pelbagai pihak termasuk rakan sekerja, penyelia dan pelanggan serta pihak berkepentingan yang lain. Pendedahan terhadap kemahiran penyampaian maklumat, penulisan emel rasmi serta etika perbincangan dan mesyuarat akan membantu memberikan keyakinan kepada para pelajar semasa menjalani LI.

iii. Pengukuhan program kerjasama akademik-industri

Pusat pengajian tinggi juga perlu memantapkan lagi program kerjasama dengan pihak industri secara lebih progresif. Sebagai contohnya program mentor industri yang mungkin telah dilaksanakan di pusat pengajian masing-masing perlu ditambah baik mengikut kesesuaian seiring dengan perubahan yang berlaku di persekitaran kerja. Dalam konteks ini, pihak pusat pengajian tinggi perlu lebih aktif menjemput wakil industri untuk berkongsi pengalaman, tren industri serta menjelaskan realiti dalam pekerjaan seperti pengetahuan, kemahiran serta bidang yang diperlukan oleh industri. Wakil-wakil industri ini boleh berperanan secara signifikan melalui lantikan sebagai penasihat akademik, profesor adjung, mentor atau penceramah jemputan. Input yang dikongsikan oleh pihak industri dapat digunakan untuk memastikan kurikulum yang sentiasa ditambah baik mengikut keperluan.

iv. Penambahbaikan struktur latihan industri di organisasi

Pihak organisasi pula disarankan untuk menyediakan satu sistem penilaian latihan industri yang lebih berstruktur dan efektif melalui rangka kerja yang bersistematik. Sistem latihan industri yang berstruktur ini merangkumi lantikan penyelia atau mentor di organisasi yang sesuai dengan bidang pengajian pelajar LI, sistem penilaian berkala, serta sesi maklum balas terhadap prestasi pelajar perlu dirancang dan dilaksanakan dengan baik agar matlamat utama program LI ini dapat dicapai.

6. Kajian Akan Datang

Pengkaji akan datang dicadangkan untuk mengkaji daripada perspektif berikut:

- Memberikan fokus terhadap persepsi majikan terhadap prestasi pelajar di pusat pengajian pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) yang menjalani LI di organisasi mereka. Kajian ini akan membantu pihak institusi TVET mengenal pasti keperluan sebenar serta jangkaan oleh pihak industri terhadap pelajar LI TVET yang berkemungkinan berbeza dengan pusat pengajian awam yang lain.
- Kajian longitudinal juga disarankan untuk dilaksanakan bagi meneliti prestasi pelajar sebelum, semasa dan selepas menjalani LI bagi memahami kelebihan dan kekurangan program LI untuk tujuan penambahbaikan.
- Melaksanakan kajian perbandingan bagi menilai perbezaan keperluan kemahiran kerjaya, sikap profesional dan motivasi mengikut sektor yang berlainan seperti hospitaliti, perkhidmatan, perkilangan, pembinaan dan teknologi maklumat.

7. Kesimpulan

Prestasi pelajar LI yang baik bukan sahaja dapat memberi kesan kepada pelajar tetapi juga organisasi, dan pusat pengajian tinggi. Malah program ini juga mempersiapkan modal insan yang berkualiti dengan sahshiah yang baik demi kejayaan negara. Oleh itu, kajian berdasarkan persepsi penyelia organisasi yang merangkumi penilaian terhadap faktor-faktor seperti kemahiran kerjaya, sikap profesional, hubungan akademik dan industri, serta tahap motivasi pelajar dapat membantu memahami mengenai faktor utama yang menentukan kecemerlangan prestasi pelajar semasa LI. Oleh itu, dalam konteks ini pemerkasaan kerjasama erat antara pihak universiti dan industri amat diperlukan untuk memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia pekerjaan.

Perakuan

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

Rujukan

- [1] Anggraini, Aprilita Dina, and Dinda Putri Nurhaliza. "Analysis of Students' Expectations, Perceptions, and Hopes regarding Internship Programs for Future Career Opportunities." *Finance: International Journal of Management Finance* 2, no. 2 (2024): 69-79. <https://doi.org/10.62017/finance.v2i2.63>
- [2] Gustiawan, Willson, Bela Kurnia Dwi Putri, Tuti Azra, and Maya Permata Sari. "Internship programme and work readiness among vocational students." *Issues and Perspectives in Business and Social Sciences* (2025): 15-26. <https://doi.org/10.33093/ipbss.2025.5.1.2>
- [3] Zumbach Harken, Nichole, and Shelley Price-Williams. "Historical and legal considerations in development of a for-credit internship program." *Journal Of Experiential Education* 45, no. 4 (2022): 477-492. <https://doi.org/10.1177/10538259221081669>
- [4] Keenan, Kevin L. "Advertising field experience and experiential learning." *The Journalism Educator* 47, no. 1 (1992): 48-55. <https://doi.org/10.1177/107769589204700105>
- [5] Mohamad, M. H., Zakaria, M., Rashed Che Ali, N. I., Kassim, Z. and Baker, R., The Influence of Leadership Skills, It Literacy Skills and Teamwork Ability on Internship Students' Employability: Perception of Employers' Internship Coordinators, *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, vol. 7, no. 26, pp. 171–82, September 26, 2024. <https://doi.org/10.35631/IJEMP.726014>
- [6] Malbuayo, Emis July P., Jan Emerald N. Catubig, Regine Mae Maratas, Lorenz Dame C. Carzo, Win Marc C. Cabilan, and Jose F. Cuevas Jr. "Assessing the Impact of Internship Experiences on Skills Development and Career Readiness among Employed Criminology Graduates." *Mediterranean Journal of Basic and Applied Sciences (MJBAS)* 8, no. 2 (2024): 195-207. <https://doi.org/10.46382/MJBAS.2024.8215>

- [7] Shakil, A. F. S., and S. Rafiullah. "Exploring the need of internship program for productive learning among students at college level in Pakistan." *Voyage Journal of Educational Studies* 3, no. 2 (2023): 1-16. <https://doi.org/10.58622/vjes.v3i2.43>
- [8] Putri, Dhika Maha, Dwi Narullia, Sheila Febriani Putri, Fitri Purnamasari, Miranti Puspaningtyas, and Mohd Rizal Palil. "Towards the qualified human resource: internship program at leading Ex-LPTK universities in Indonesia." In *3rd Asia Pacific Management Research Conference (APMRC 2019)*, pp. 97-101. Atlantis Press, 2020. <https://doi.org/10.2991/aebmr.k.200812.018>
- [9] Achim, Moise Ioan, Larisa Dragolea, Manuella Kadar, and Lucia Căbulea. "THE INTERNSHIPS HELD THROUGH EUROPEAN PROJECTS—A POSSIBLE FIRST STEP IN MANAGING THE YOUTHS' OWN CAREER." *Polish Journal of Management Studies* 2013, no. 7 (2013): 141-151.
- [10] Andriyatno, Valensia Devinsa, Arina Luthfini Lubis, and Zahara Fatimah. "The Influence of Internship on The Professionalism of Students Departement of Room Division at Batam Tourism Polytechnic." *Media Wisata* 21, no. 2 (2023): 314-328. <https://doi.org/10.36276/mws.v21i2.535>
- [11] Metzger, Shelley V. *Employers' perceptions of the benefits of college internship programs*. University of Idaho, 2002.
- [12] Gautam, Prakash Kumar. "Satisfaction from internship program and changing attitude: A perceptual survey from hotel management students." *The International Research Journal of Management Science* 2 (2017): 52-64. <https://doi.org/10.3126/irjms.v2i0.28046>
- [13] Abu Bakar, M. Z., Halif, M. M., Abd Rahim, N. N., Hassan, M. F. and Muhamed, A., Why Do Industry and University Work Together? The Case of Li2U, *Advances in Social Sciences Research Journal*, March 5, 2024. <https://doi.org/10.14738/assrj.112.2.16424>
- [14] Ariyanto, Mochammad, and Saut Purba. "The Role of Industrial Internship Activities to Improve Digital Competency of Engineering Students: Perception of Engineering Managers in Industry." *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 23, no. 9 (2024): 498-517. <https://doi.org/10.26803/ijlter.23.9.25>
- [15] Busuttil, Leonard. "The symbiotic interaction between industry and academia in tertiary education: A case study on internships." *Informatics in Education-An International Journal* 21, no. 4 (2022): 589-603. <https://doi.org/10.15388/infedu.2022.24>
- [16] Fauzan, Azhar, Mochamad Bruri Triyono, Rendra Ananta Prima Hardiyanta, Rihab Wit Daryono, and Shilmi Arifah. "The effect of internship and work motivation on students' work readiness in vocational education: PLS-SEM approach." *Journal of Innovation in Educational and Cultural Research* 4, no. 1 (2023): 26-34. <https://doi.org/10.46843/jiecr.v4i1.413>
- [17] Sholahudin, M., and Ayi Ahadiat. "The Effect of Work Motivation and Work Skill on Career Decision Moderated by Internship Program in The Hotel Industry of Lampung Province." *Jurnal Riset Multidisiplin Edukasi* 2, no. 1 (2025): 528-544. <https://doi.org/10.71282/jurmie.v2i1.103>
- [18] Kane, Stephen Mark. *Employer attitudes relative to the hiring of cooperative education students: development of an attitudinal scale*. Northeastern University, 1981.